

25 JUN 2001

Downer-Mahathir

DOWNER ENGGAN DIHERET BERTELEGAH DENGAN DR MAHATHIR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 25 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer perlu mempertahankan rekod pelbagai budaya negara itu ekoran satu ejekan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Laurie Brereton, jurucakap hal ehwal luar Parti Buruh yang menjadi pembangkang di Australia.

Sabtu lepas, Dr Mahathir berkata di Kuala Lumpur bahawa Australia adalah negara yang menyebabkan penduduknya yang berketurunan Cina supaya bercakap secara sengau.

Tetapi, buat kali kedua dalam minggu ini, Downer enggan diheret untuk bertelagah dengan Dr Mahathir.

"Saya fikir pendekatan yang terbaik bagi kita ialah biarkan perkara ini berlalu. Tidak ada apa manfaatnya jika kita menjawab," kata Downer kepada ABC Radio.

Beliau berkata perkara itu membabitkan politik di Malaysia dan tidak perlu bagi Australia untuk campur tangan.

Minggu lepas, Downer menggunakan alasan yang serupa untuk tidak mahu mengulas tanggapan Dr Mahathir bahawa Australia mencampuri urusan politik dalaman Malaysia menerusi pertemuan Downer dengan pemimpin-pemimpin Pas.

Downer juga enggan mengulas keputusan MCA mengambil alih dua akhbar berbahasa Cina di Malaysia.

"Saya fikir kita jangan sentuh perkara ini kerana kita tidak mahu bertelagah dengan Dr Mahathir. Saya tidak mahu melantik diri saya sebagai pengulas bagi apa saja yang beliau cakap," kata Downer.

Brereton berkata jawapan Downer itu tidak wajar bagi menangkis ejekan Dr Mahathir terhadap keperibadian kebangsaan Australia.

"Saya berpendapat perdana menteri dan menteri luar kita perlu menjawab bagi pihak Australia," katanya.

-- BERNAMA

NDC AU MAI